

19 AUG 1998

Cukai-reaksi

CUEPACS, MTUC SOKONG LANGKAH TIDAK NAIKKAN CUKAI

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Dua kesatuan sekerja yang mewakili lebih 1.4 juta pekerja di negara ini menyokong penuh keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan cukai dalam Belanjawan Negara 1999.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mewakili 181 kesatuan dan lebih 750,000 anggota menyifatkan keputusan itu tepat dan dibuat atas dasar prihatin kerajaan terhadap rakyat.

"Ini merupakan cadangan yang baik terutamanya ketika kita sedang bergelut dengan kegawatan ekonomi ketika ini," kata presiden MTUC, Zainal Rampak kepada Bernama di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang menaikkan cukai dalam Belanjawan 1999 yang akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini. Katanya kerajaan tidak akan menaikkan cukai sebagai langkah drastik yang mahu diambil untuk menangani kegawatan ekonomi kerana langkah itu hanya akan membebankan rakyat.

Menurut Zainal, MTUC akan turut mengemukakan memorandum kepada kerajaan tidak lama lagi menggariskan beberapa cadangan untuk belanjawan tahun depan.

Antara yang akan ditekankan ialah mengenai pembinaan rumah kos rendah yang perlu dilaksanakan dengan segera serta keperluan mengekalkan khidmat kesihatan dan pendidikan awam pada tahap yang tidak membebankan rakyat.

"Selain cukai yang tidak dinaikkan, kita juga berharap kos-kos perkhidmatan seperti caj air, elektrik dan (rawatan kumbahan) Indah Water tidak dinaikkan," katanya.

Beliau berkata usaha memulihkan ekonomi perlu dilakukan mengikut cadangan dalam pelan pemulihan ekonomi negara yang diumumkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini.

Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) turut mengalu-alukan langkah kerajaan itu yang disifatkan "amat prihatin" terhadap kepentingan rakyat.

"Walaupun ada negara-negara yang terjejas ekonominya mengambil langkah ini (menaikkan cukai) tetapi saya rasa Malaysia tidak harus membebankan rakyat dengan tindakan sedemikian," kata setiausaha agungnya N. Siva Subramaniam.

Cuepacs, menurutnya akan mengemukakan pandangan dan cadangannya kepada kerajaan dalam masa dua minggu ini untuk dimasukkan dalam Belanjawan itu.

"Kita akan tekankan mengenai pentingnya menjaga kepentingan masyarakat pekerja dalam usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara," katanya.

-- BERNAMA

HJ oba